

PM mahu TV sekat adegan ganas

BH 24 OCT 1985

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan supaya langkah positif dijalankan segera bagi mengurangkan adegan keganasan di televisyen, jika pun tidak menghapuskannya sama sekali.

Arahan itu dibuat berikutan laporan Panel Pengawasan Siaran Kabinet bahawa terlalu banyak adegan seumpama itu disiarkan menerusi televisyen, terutama TV3 sejak akhir-akhir ini.

Menurut Perdana Menteri, siaran filem dan episod yang mempunyai banyak bentuk keganasan menerusi televisyen perlu dikurangkan kerana ia bercanggah dengan cara dan nilai hidup rakyat negara ini.

Datuk Rais Yatim, selaku jurucakap kabinet, berkata, kabinet telah mengenal pasti beberapa episod dan adegan yang terbabit dan Kementerian Penerangan akan menjalankan tugasnya

Datuk Rais berkata, sehingga kini tidak ada kajian dijalankan yang menunjukkan peningkatan kegiatan itu mempunyai kaitan dengan televisyen. Bagaimanapun, ka-

sebaik mungkin bagi memastikan arahan itu diberi perhatian.

Dalam sidang akhbar mengenai mesyuarat Kabinet hari ini, beliau berkata, nama filem dan siri televisyen yang mengandungi adegan keganasan itu tidak disebut dalam mesyuarat itu.

Beliau yang juga Menteri Penerangan berkata, kementerianya mengalu-alukan pendirian tegas kerajaan dan satu perjumpaan dengan TV3 diadakan segera khusus membincangkan perkara itu.

Berkeluarga

"Adegan keganasan yang memaparkan pelbagai bentuk pembunuhan oleh kumpulan haram di televisyen boleh mempengaruhi penonton, terutama generasi muda.

"Dalam hal ini, saya tidak menyalahkan TV3 sahaja kerana ada sebahagian siri yang disiarkan oleh Televisyen Malaysia juga mengandungi adegan serupa itu.

"Adalah menjadi tanggungjawab saya dan kerajaan bagi memastikan semua episod dan mini siri menerusi televisyen di negara ini tidak lagi menyiarkan adegan keganasan," katanya.

Menurutnya, kementeriannya akan mengarahkan supaya lebih banyak siri drama yang menunjukkan cara hidup berkeuarga disiarkan tanpa mengabaikan nilai-nilai hiburan di dalamnya.

Ditanya sama ada arahan itu dikeluarkan berikutan meningkatnya jenayah di negara ini,

kerajaan mempunyai tanggungjawab kepada rakyat dan majoriti berpendapat sebahagian besar siri televisyen kini tidak mencerminkan masyarakat negara ini.

Sama ada arahan itu membabitkan filem di pawagam dan video, beliau berkata: "Walaupun Kabinet tidak menyebut wayang dan video, Penapis Filem harus faham arahan itu membabitkan tayangan di pawagam dan video.

"Namun begitu, apa yang diluluskan untuk siaran di pawagam ada kalanya tidak sesuai untuk tayangan di layar kecil seperti televisyen. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab televisyen menyesuaikan tayangannya untuk keluar-ga."